

DATE: 05/03/2000

MINGGUAN MALAYSIA AHAD 5 MAC 2000

BISIK-BISIK MINGGUAN

A W A N G S U L U N G

TUNGGU APA LAGI

MINGGU lalu, seorang pembaca, dalam ruangan *Pendapat Utusan Malaysia* meminta kerajaan menimbangkan dengan serius kemungkinan melarang penggunaan perkataan Islam atau nama agama-agama lain pada parti politik.

Setakat ini, yang menggunakan perkataan Islam pada namanya hanyalah Parti Pas atau Parti Islam Se-Malaysia dan Berjasa (Barisan Jamaah Islamiah).

Adanya perkataan Islam pada namanya membolehkan Pas meraih banyak keuntungan politik terutama sekali semasa pilihan raya. Bagi sebilangan orang Melayu, menolak parti yang pada namanya ada perkataan Islam adalah sesuatu yang sukar dilakukan.

Seruan supaya kerajaan menegah parti-parti politik menggunakan perkataan Islam pada nama parti telah beberapa kali dibuat. Isu ini timbul tenggelam dan kerajaan kelihatan seperti tidak pasti apa yang hendak dibuat.

Pada Ogos tahun lalu, Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu, Azmi Khalid berkata, kerajaan memutuskan untuk membenarkan Pas dan Berjasa terus menggunakan perkataan Islam bagi mengelak tercecus konflik yang lebih besar.

Kerajaan ternyata begitu toleran sungguh pun Pas menggasaknya tanpa belas kasihan. Sikap toleransi ini turut ditunjukkan terhadap organ rasmi parti itu, *Harakah*, sungguh pun akhbar parti itu tidak mengendahkan syarat-syarat pemberian permit. Tapi akhirnya *Harakah* menerima apa yang Perdana Menteri sifatkan sebagai hukuman ke atas pelanggaran-perlanggaran yang ia lakukan. Kekerapan penerbitannya dikurangkan kepada dua kali sebulan daripada dua kali seminggu. Peraturan baru ini dikenakan terhadap semua akhbar yang diterbitkan oleh parti politik.

Bagi Awang, 'hukuman' terhadap *Harakah* sudah terlambat kerana kerosakan sudah pun berlaku. Pernah ada gesaan supaya akhbar Pas itu diharamkan terus. Ini Awang tidak setuju.

Sebelum kerosakan lebih besar berlaku dan sebelum sekali lagi terlambat, Awang berpendapat kerajaan perlu menimbangkan semula keputusannya dan menegah parti politik menggunakan perkataan Islam pada namanya.

Toleransi ada hadnya. Lagi pun ia tidak pernah dihargai. Sekiranya kerajaan benar-benar percaya penggunaan agama oleh parti politik semakin bahaya dan akhirnya akan membawa porak peranda, ia mestilah mempunyai keazaman untuk bertindak.

Sikap toleran kerajaan telah diambil kesempatan, sebenarnya. Semasa politik negara sedang bergolak, pelbagai penerbitan dikeluarkan tanpa permit daripada Kementerian Dalam Negeri. Sikap tutup sebelah mata ini mungkin kerana kerajaan merasakan semua itu tidak membawa kesan.

Kita perlu ingat, seorang yang perkasa sekali pun akan tumbang juga sekiranya dia membiarkan dirinya ditumbuk setiap hari, siang dan malam, tanpa menumbuk balas.